

25/03/2005

Sabah sedia rai 700 delegasi CEO

KOTA KINABALU sudah bersedia menerima kedatangan kira-kira 700 tokoh perniagaan, ketua eksekutif dan peneraju syarikat seluruh dunia di Persidangan Antarabangsa Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 2005, bermula Ahad ini.

Tempat persidangan di pusat peranginan terkenal Sutera Harbour kira-kira empat kilometer dari pusat bandar kini pada peringkat akhir persiapan menjayakan acara besar itu.

Persidangan tiga hari bertemakan 'Isu Global dan Cabaran Dihadapi Korporasi Asia' dianjurkan kerajaan Sabah menerusi Kumpulan Yayasan Sabah.

Perasmian acara itu bakal disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Isnin depan, manakala penutupan pada Rabu oleh Pengerusi Yayasan Kepimpinan Perdana, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Antara objektif program ialah memberi pendedahan kepada delegasi mengenai peluang pelaburan dan perniagaan dalam sektor pelancongan, pertanian dan pembuatan di negara ini, khususnya Sabah.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata sehingga kini lebih 500 perwakilan di kalangan tokoh perniagaan, pegawai eksekutif dan ketua syarikat dari 30 negara mengesahkan penyertaan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan negeri mengesahkan Kabinet Sabah sudah diberi taklimat mengenai persediaan program itu dan berpuas hati dengan persiapan.

"Sabah berbangga menganjurkan persidangan ini buat pertama kalinya kerana beberapa tokoh terkemuka dunia dijangka menjadi ahli panel dan menyampaikan kertas kerja.

"Kehadiran mereka pasti memberi peluang kepada kita berkongsi pengalaman dan kemahiran," katanya.

Pendaftaran peserta diadakan di Hotel Magellan Sutera, Ahad ini, manakala sebelah malamnya diadakan majlis jamuan bertemakan 'An Evening In Sabah' bagi memeriahkan kehadiran peserta.

Turut diadakan enam taklimat khas mengenai peluang pelaburan di Sabah.

(END) Source : Berita Harian